

Bot laju dorong kepupusan ikan paus di Atlantik Utara

UM 21/10/23 M/S 41

SAN FRANCISCO: Spesies ikan paus Atlantik Utara yang hampir pupus dilaporkan semakin terancam akibat tindakan pengeleduhan kapal dan bot bergerak melebihi had laju di zon perlahan yang ditetapkan di kawasan perairan Amerika Syarikat (AS).

Hanya sekitar 340 ekor spesies paus itu yang tinggal kini namun sering cedera dan mati akibat dilanggar bot atau kapal kerana tabiatnya gemar berenang dekat ke permukaan selain warnanya yang gelap hingga sukar dikesan.

Pentadbiran Lautan dan Atmosfera Kebangsaan mengeluarkan peraturan kelajuan di AS

pada 2008 dengan semua kapal atau bot mesti bergerak pada 10 knot atau kurang di zon tertentu yang dipanggil kawasan pengrusaan bermusim di sepanjang pantai timur AS untuk membantu melindungi ikan paus.

Tetapi menurut laporan kumpulan pemuliharaan Oceana, pengangkutan air di laluan tersebut termasuk kapal kargo dan kapal layar mewah direkaikan melakukan perjalanan lebih tiga kali ganda had laju yang ditetapkan.

"Bot laju membunuh banyak paus Atlantik Utara. Zon kelajuan yang dikuatkuasakan dengan baik adalah cara pal-

ing berkesan untuk melindungi ikan paus daripada ancaman."

"Zon perlahan adalah setanding dengan zon perlahan di sekolah untuk melindungi kanak-kanak. Ia bertindak sebagai had laju yang diperlukan untuk menawarkan perlindungan daripada serangan di mana paus Atlantik Utara sering ditemui," kata Pengarah Kempen Kumpulan Pemuliharaan Oceana, Gib Brogan.

Tempat pembiakan spesies ikan paus tersebut terletak di perairan Florida, Georgia dan Carolina Selatan namun sejak 2017, serangan bot serta kapal di AS dan Kanada menyebabkan lebih 12 ekor terbunuh.



BANGKAI ikan paus Atlantik Utara terdampar di pesisir pantai New Brunswick, Kanada. - AGENSI